

22/04/2004

Malaysia, Vietnam meterai deklarasi perkukuh hubungan

By Mohd Azlan Jaafar; Shamsul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Malaysia dan Vietnam semalam menandatangani deklarasi bersama serta dua perjanjian persefahaman (MoU) yang mengukuhkan lagi hubungan terutama dalam bidang pendidikan serta teknologi komunikasi dan maklumat (ICT).

Deklarasi bersama itu menyediakan rangka kerja hubungan Malaysia-Vietnam yang lebih komprehensif menjelang abad ke-21.

Dua MoU pula membabitkan kerjasama sektor pendidikan dan ICT.

Majlis menandatangani disaksikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Perdana Menteri Vietnam, Phan Van Khai.

Perdana Menteri berkata, Malaysia sedia menawarkan kepakaran dalam sektor pendidikan dan ICT, selain berkongsi pengalaman dengan Vietnam dalam pelbagai bidang lain untuk kebaikan bersama.

Abdullah berkata, ada ruang yang luas dalam semua bidang yang boleh diterokai termasuk di kalangan pelabur dari kedua-dua negara.

"Kita sedia membuka pintu institusi kita dan mereka menerima sama ada pihak pengajar, profesor atau penyelidik," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar selepas menemui rakan sejawatannya itu di pejabatnya di Kompleks Perdana Putra, di sini petang semalam.

Phan dan delegasi 90 anggota tiba pagi semalam dalam lawatan rasmi tiga hari.

Delegasi yang dianggotai jemaah menteri, pegawai kanan kerajaan dan ahli perniagaan itu bertujuan meningkatkan kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang.

Beliau yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dengan pesawat khas disambut Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Sejurus tiba, Perdana Menteri Vietnam itu diberikan sambutan rasmi di Dataran Perdana, Kompleks Perdana Putra sebelum Abdullah dan Phan mengadakan pertemuan tertutup di pejabat Perdana Menteri.

Selepas pertemuan kira-kira 30 minit, Abdullah dan Phan mengetuai negara masing-masing pada mesyuarat peringkat delegasi.

Abdullah berkata, Malaysia berpuas hati dengan kerjasama erat dengan Vietnam sejak era kepemimpinan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Saya tegaskan kepada Phan, sebagai Perdana Menteri bagi kerajaan yang wujud sekarang selepas pilihan raya akan meneruskan hubungan baik yang terjalin," katanya.

Hubungan baik dengan negara itu, kata Abdullah, membuka peluang kepada Petronas meningkatkan kepentingan dan pembabitan dalam sektor petroleum di Vietnam.

Abdullah berkata, kedua-dua negara dijangka menandatangani perjanjian baru perkhidmatan udara yang antara lain memberi lebih banyak frekuensi penerbangan serta hak pendaratan kepada Penerbangan Malaysia (MAS) ke negara itu.

"Selain itu, misi perdagangan Malaysia ke Vietnam pada Jun ini bagi meneroka peluang meningkatkan perdagangan dan pelaburan di negara itu.

"Misi itu juga boleh mendapatkan kesediaan pelabur Vietnam memperluaskan kepentingan mereka di Malaysia," katanya.

Abdullah berkata, perbincangannya dengan Phan berkisar pelbagai isu termasuk kerjasama dalam sektor tertentu seperti berasaskan pertanian, bioteknologi, kerjasama cegah jenayah dan membasmi dadah.

Sementara itu, pada majlis makan malam meraikan Phan, malam tadi, Abdullah berkata, jumlah dagangan dua hala antara Malaysia dengan Vietnam meningkat kepada RM4.56 bilion (AS\$1.2 bilion) tahun lalu.

Perdana Menteri berkata, peningkatan itu menunjukkan wujud hubungan yang rapat antara masyarakat perdagangan kedua-dua negara.

Bagaimanapun, beliau percaya hubungan perdagangan yang sedia wujud itu masih berpotensi untuk diperluaskan.

"Sehubungan itu, masyarakat perniagaan kedua-dua negara perlu kreatif mencari jalan untuk menggunakan potensi yang ada sama ada dalam sektor pengeluaran mahupun perkhidmatan," katanya.

(END)